

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B DR. TAN SENG GIAW
SOALAN : NO. 232

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan institut pengajian tinggi awam dan swasta. Bagaimanakah standard dipertingkatkan sebagai hab pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Universiti Awam (UA) mahupun cawangannya dirancang dan dilaksanakan setelah mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan Kerajaan. Pada masa ini, terdapat 20 buah UA, 33 buah politeknik, 93 buah kolej komuniti dan 500 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.

Sasaran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pendidikan yang mempunyai ciri tersendiri dan berdaya saing ialah melalui Lonjakan 8: Keunggulan Global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Antara langkah yang telah digariskan dalam membangunkan hab pendidikan ialah meningkatkan kualiti keseluruhan program akademik dan kepakaran supaya dapat menarik pelajar dan sarjana antarabangsa. yang cemerlang serta membangunkan bidang-bidang tujahan (niche area) yang menjadi pilihan daripada semasa ke semasa. KPT melalui MQA telah membangunkan sebanyak 20 buah standard program mengikut bidang disiplin dan sebanyak 4 buah standard untuk semua bidang disiplin bagi memenuhi keperluan minimum dalam mereka bentuk program dalam memastikan kualitinya.

Beberapa inisiatif utama juga telah dikenal pasti, antaranya meningkatkan keupayaan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai hos pelajar antarabangsa,

menyokong persidangan antarabangsa, menerokai pasaran baharu dengan inisiatif mempelbagaikan penawaran kualiti dan program tujahan, menambah baik prosedur imigresen serta memudahkan laluan akademik dan profesional.

Bagi mencapai hasrat tersebut, KPT akan membantu IPT dan agensi berkaitan untuk memperkaya keseluruhan pengalaman pelajar antarabangsa sebelum, semasa dan selepas pengajian, meningkatkan promosi jenama pendidikan Malaysia, memantapkan lagi pasaran sedia ada dan memperluas pasaran baru.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris. Apakah keadaan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada pelaksanaan Dasar Martabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memperbaiki pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (BM) dan Bahasa Inggeris (BI) di semua peringkat persekolahan dengan pelbagai inisiatif. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

- Melaksanakan LINUS2.0 bagi BM dan BI yang lebih luas bagi menangani masalah literasi
- Meningkatkan kemahiran guru BM dengan tumpuan kepada SJK
- Menempatkan guru opsyen BM dan BI yang mencukupi di sekolah rendah dan menengah
- Menyediakan guru BM yang boleh berkomunikasi dalam bahasa Cina atau bahasa Tamil khusus di SJK

- Memantapkan kompetensi guru BM dan BI dari segi kemahiran dan pedagogi, contoh, Program *Professional Upskilling* (Pro-ELT) untuk guru BI
- Menyediakan program sokongan tambahan buku kosa kata di SJK
- Menyediakan bahan bantu mengajar e-Bahan (LMS), (*spp.moe.edu.my*) *eduwebtv.com* dan bahan bacaan tambahan
- Menekankan penguasaan BM dan BI
- Melaksanakan intervensi kelas pemulihan di luar waktu sekolah untuk SJK
- Memperkasakan Program NILAM
- Melaksanakan aktiviti kokurikulum yang menggalakkan penyertaan murid dalam aktiviti BM dan BI di luar kelas
- Mengadakan pelbagai aktiviti Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada setiap tahun

Bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, kurikulum yang dibangunkan mengambil kira tren global semasa, contohnya pembelajaran abad ke-21 , KBAT, Pentaksiran Sekolah. Penandaarasan kurikulum Sains dan Matematik dengan negara-negara yang berprestasi tinggi dalam TIMSS dan PISA telah dilaksanakan oleh Pearson. Dapatan penandaarasan menunjukkan kurikulum sains dan matematik Malaysia adalah setara dengan kurikulum negara berprestasi tinggi dalam TIMSS dan PISA iaitu Singapura dan United Kingdom

Pemetaan semula kurikulum sains dan matematik telah dilaksanakan dengan mengambil kira hasil penandaarasan kurikulum dengan negara Singapura dan United Kingdom dan kerangka kerja TIMSS dan PISA.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
SOALAN : Dr. Tan Seng Giaw minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah beras keluaran tempatan dan yang diimport. Setakat mana dasar mampu sendiri dijayakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah beras keluaran tempatan pada tahun 2015 ialah sebanyak 2.14 juta mt. Berikut merupakan jadual pengeluaran beras keluaran tempatan dan jumlah import beras bermula tahun 2011 sehingga tahun 2015 (jangkaan):

Pengeluaran Beras ('000 Tan Metrik)

Pengeluaran Beras ('000 mt)	2011	2012	2013	2014	2015e
Malaysia	1,661	1,675	1,685	1,847	2,143
Sem. Malaysia	1,432	1,450	1,452	1,474	1,505
Jelapang Padi	1,209	1,207	1,201	1,238	1,266
Sabah	83	80	73	76	76
Sarawak	146	145	152	154	154

Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia

Jumlah Import Beras

TAHUN	IMPORT (METRIK TAN)
2011	1,068,224
2012	983,026
2013	853,358
2014	863,358
2015	960,830

Sumber: BERNAS

Secara amnya **Dasar Agromakanan Negara (DAN)** bagi pengeluaran padi dan beras telah berjaya mencapai matlamatnya berdasarkan indikator peningkatan SSL tahun 2015 berbanding tahun 2010 seperti berikut:

KOMODITI	2010 (%)	2015 (%)
Beras	71.4	71.6

Namun begitu, DAN juga menetapkan kadar SSL ini akan dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira jaminan bekalan beras negara, keselamatan makanan dan kebergantungan kepada import. Sebagai langkah penambahbaikan, inisiatif berikut telah dilaksanakan:-

- i. **Pewujudan empat (4) kawasan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)** yang baharu iaitu IADA Pekan, IADA Rompin, IADA Kota Belud dan IADA Batang Lupar;
- ii. menggalakkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi meningkatkan kualiti hasil tuaian sekali gus mengurangkan peratus pemotongan;
- iii. pengurusan secara berpusat di bawah NKEA EPP10 (Penanaman Padi di Kawasan MADA) dan EPP11 (Penanaman Padi dan lain-lain Kawasan Jelapang);
- iv. pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- v. penggunaan varieti baru dan benih padi sah;
- vi. pengamalan teknologi pertanian tepat; dan
- vii. meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi